


Pengunjung meriahkan Pesta Konvoikesyen UPM 2012





PENGARAH Taman Pertanian Universiti Putra Malaysia (UPM), Dr. Abdul Wahid Haron menyampaikan hadiah kepada juara karnival memancing sempena Pesta Konvokesyen UPM 2012, Mohd. Izwan Hadi di Serdang, semalam.



PERTANDINGAN mewarna untuk kanak-kanak antara aktiviti yang menerima sambutan menggalakkan daripada pengunjung.



ORANG ramai tidak ketinggalan mengunjungi gerai Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd. (UPND).

berat 8.9 kilogram.

Hadiyah wang tunai RM500 bagi tempat ketiga pula milik Azman Hasan dengan hasil tangkapan ikan patin seberat 8.455 kilogram.

Pemenang tempat keempat hing-

ga ke-10 pula menerima hadiah wang tunai berjumlah RM300 manakala tempat ke-11 hingga ke-20 menerima wang tunai RM100 setiap seorang.

Pertandingan yang bermula pada pukul 8 pagi sehingga 1 te-

KUALA LUMPUR 15 Okt. - Kejayaan menaikkan patin seberat 16.175 kilogram dengan menggunakan umpan dedak pada saat-saat akhir membawa tuah kepada Mohd. Izwan Hadi apabila muncul juara Karnival Pancing sempena Pesta Konvoesyen Universiti Putra Malaysia (UPM) Ke-36.

Hanya 14 minit lagi waktu pertandingan berakhir, joran Mohd. Izwan disambar patin berkenaan pada pukul 12.46 tengah hari sekali gus melayakkannya menerima hadiah RM3,000 dalam acara yang berlangsung di Kolam 3 UPM, semalam.

Tempat kedua pula dimenangi oleh Norhasmee Kassim yang membawa pulang wang tunai RM1,000 menerusi tangkapan ikan patin se-



SEBAHAGIAN peserta yang mengambil bahagian dalam karnival memancing yang diadakan di kolam 3, UPM, Serdang, Selangor, semalam.

ngah hari itu disertai 230 peserta dan program dimeriahkan dengan kepelbagaiannya hasil tangkapan ikan seperti patin, pacu, jelawat, tongsan serta haruan.

Ekspo Pertanian dan Pesta Kon-

vokesyen UPM selama lima hari bermula 12 Oktober lalu akan berakhir esok (Selasa) adalah program kerjasama dengan Kumpulan Utusan.

Pelbagai acara diadakan sepanjang pesta konvo itu termasuk

pameran pertanian, penemuan baru dan peraduan mewarna.

Pengunjung gerai Utusan pula berpeluang mendapat tawaran harga yang menarik bagi produk keluarannya termasuk majalah dan buku.